

03 SEP 1998

RAFIDAH-ANWAR/I

LIHAT PEMECATAN ANWAR SECARA OBJEKTIF, KATA RAFIDAH

Oleh: Mohd Rizal Razalli

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Kabinet telah mengesahkan perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Beliau menyeru rakyat supaya menyokong kepimpinan dan yang paling penting melihat pemecatan Anwar itu secara objektif.

Rafidah berkata pemecatan Anwar adalah "satu lembaran peristiwa yang amat menyedihkan" tetapi tentunya rakyat perlu "menghargai apa jua sebab - sebab yang kukuh dan munasabah" telah diambil.

"Sebenarnya ia menunjukkan bahawa tiada sesiapa mengatasi undang-undang, sama ada orang kecil atau besar," katanya.

"Saya juga menyokong sepenuhnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam apa jua langkah yang telah digerakkan oleh beliau dan kerajaan," katanya apabila diminta mengulas mengenai pemecatan anwar selepas merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Tetap ke-11 Malaysia-Taiwan di sini hari ini.

Jabatan Perdana Menteri di dalam kenyataan ringkas mengumumkan bahawa Anwar telah dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkuat kuasa pukul 5.30 petang semalam, tetapi tiada sebab diberikan.

Rafidah berkata bahawa "Perdana Menteri mempunyai alasan-alasan yang amat baik yang ketara mempunyai kaitan dengan arena politik dan pada masa yang sama, beliau sedang menyelesaikan kedudukan ekonomi."

Beliau menegaskan bahawa tumpuan sekarang adalah ke atas proses pemulihan ekonomi.

"Kerajaan telah mengatur semua langkah ekonomi yang perlu dan jika terdapat sebarang langkah baru, kita akan melakukannya," katanya merujuk kepada langkah kawalan modal yang diumumkan oleh Bank Negara baru-baru ini.

Apabila ditanya sama ada terdapat perubahan di dalam dasar ekonomi selepas pemecatan Anwar, katanya, "pastinya tidak ada perubahan dan kerajaan akan terus memantau dengan teliti langkah-langkah yang telah dilaksanakan."

Untuk memperbaiki keadaan (ekonomi), katanya rakyat Malaysia sendiri boleh melakukannya, manakala adalah penting bagi para pelabur dan orang luar mempunyai keyakinan terhadap apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan.

"Dan adalah penting juga mendapati bahawa rakyat Malaysia telahpun menunjukkan keyakinan terhadap apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan," kata Rafidah.

Rafidah, yang juga bekas ketua pergerakan Wanita UMNO, menggesa anggota-anggota parti "supaya terus bertenang dan melihat perkara ini dengan amat objektif."

-- BERNAMA

RIZ MR OS